

RMW 354 - Prinsip-Prinsip Pengurusan Projek Binaan I

Tarikh: 27 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Di dalam teori Pengurusan Secara Pentadbiran, Henry Fayol dan rakan-rakannya telah mengemukakan 7 proses pengurusan, iaitu proses-proses yang dianggap penting dan perlu demi kecekapan dan keberkesanan pihak pengurusan.

Bincangkan proses-proses tersebut dalam konteks industri binaan.

(20 markah)

2. Syarikat "AA" Sendirian Berhad adalah sebuah firma binaan yang berkelas besar. Firma ini mempunyai 2,000 orang kakitangan termasuk 200 orang dalam bahagian pengurusan dan teknikal.

Encik Ahmad adalah seorang pengurus besar bagi firma ini, Encik Lim adalah pengurus yang bertanggungjawab bagi bahagian teknikal dan Encik Wahab pula adalah seorang Pengawas yang mahir dalam semua bidang pembinaan.

...2/-

- (i) Bincangkan perbezaan tanggungjawab dan pandangan yang seharusnya diambil oleh ketiga-tiga orang yang tersebut di atas dalam konteks keseluruhan sebuah organisasi.
- (ii) Terangkan dengan ringkas peranan-peranan yang harus dimainkan oleh Encik Ahmad, Encik Lim dan Encik Wahab di dalam segi berikut:-
 - (a) membuat keputusan
 - (b) pengaruh dan interaksi dengan alam sekitar
 - (c) kuasa dan arahan
 - (d) komunikasi

(20 markah)

3. Apakah yang dapat diertikan dengan struktur organisasi dan mengapakah ianya penting di dalam mengkaji dan memahami konsep pengurusan dan organisasi?

Terangkan dengan ringkas pengertian istilah-istilah berikut dalam konteks struktur organisasi:-

- (i) Perbezaan dan
- (ii) Integrasi

Bagaimanakah sesebuah organisasi itu boleh mencapai lebih perbezaan disamping mewujudkan integrasi yang berkesan?

(20 markah)

...3/-

4. Terangkan pengertian motivasi dan hubungannya dengan kelakuan individu.

Terangkan teori motivasi yang diberikan oleh Frederick Herzberg serta bincangkan dengan memberi contoh-contoh di dalam industri binaan.

Beri pendapat anda bagaimanakah harus dilakukan untuk meningkatkan lagi motivasi buruh-buruh binaan di Malaysia?

(20 markah)

5. Terangkan pengertian kepimpinan dan kaitannya dengan sistem pengaruh.

Kenalpastikan tiga (3) gaya kepimpinan yang telah anda pelajari serta bincangkan perbezaan-perbezaan di antara ketiga-tiga gaya tersebut.

Bagaimanakah pada pendapat anda, kita perlu lakukan untuk menyesuaikan gaya kepimpinan dengan bentuk struktur organisasi yang tertentu?

(20 markah)

6. Terangkan pengertian membuat keputusan dan bincangkan 3 tumpuan perhatian dalam mengkajinya. Bincangkan proses membuat keputusan dengan memberi contoh-contoh di dalam industri binaan.

(20 markah)

7. Apakah yang dapat diertikan dengan tujuarah sesebuah organisasi?

Kenalpasti dan bincangkan tiga (3) tahap tujuarah sesebuah organisasi yang dapat kita kategorikan.

Bagaimanakah pengurusan harus memainkan peranannya dalam mengawal tujuarah dan menyelesaikan sebarang percanggahan yang berlaku?

(20 markah)